

Tebing sungai berisiko runtuh



Dua pokok tumbang ke dalam sungai dan mengganggu aliran air.

SELAYANG - Kebimbangan kini menghantui Penduduk Taman Prima Selayang apabila hujan lebat berterusan dikhawatiri melemahkan struktur tanah di belakang blok D dan mengakibatkan berlakunya runtuhan tebing sungai.

Wakil Penduduk, I Mahinder Kaur berkata, keadaan semakin meruncing apabila baru-baru ini dua pokok berusia lebih 10 tahun tumbang dan menutupi Sungai Jinjang itu.

Menurutnya, aduan dibuat

kepada pihak berkaitan tetapi sehingga hari ini tiada sebarang tindakan diambil.

"Pokok yang tumbang itu menyebabkan rekahan tanah dan keretakan di jalan tar yang jaraknya dengan blok penduduk hanya kira-kira 50 meter.

"Kerja pembersihan tidak dilakukan, dibimbangkan akan menyebabkan gangguan aliran air," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Selayang

(MPS), Mohamad Zin Masoad memaklumkan tidak menerima sebarang laporan berkenaan masalah itu namun akan menyiasatnya.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Ir Mohd Fuad Buang pula berkata, pihaknya sedang membersihkan sungai dengan mengalihkan pokok tumbang yang mengganggu aliran air.

"Beberapa kawasan dikenalpasti dan tapak terbabit juga berkemungkinan terlibat," katanya.